

KENYATAAN OLEH NANOMALAYSIA BERHAD**UNTUK SIARAN SEGERA****PENUTUPAN PEJABAT NANOMALAYSIA BERHAD SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN**

KUALA LUMPUR, 17 Mac 2020 - Berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia pada 16 Mac 2020, pejabat NanoMalaysia Berhad (NanoMalaysia) di Hampshire Place Office, Kuala Lumpur, akan ditutup dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 atau sehingga diberitahu kelak.

Aktiviti perniagaan NanoMalaysia akan diteruskan dengan Operasi Bekerja Dari Rumah (Work From Home Operations) semasa tempoh penutupan tersebut.

Tindakan ini adalah selari dengan penutupan semua premis kerajaan dan swasta untuk membendung penularan virus COVID-19 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Bin Hj. Mohd Yassin.

Sebarang perubahan mengenai maklumat ini akan dikemaskini dari masa ke semasa. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi corporate.affairs@nanomalaysia.com.my.

TAMAT